

# Pak Lah yakin rakyat teruskan sokongan

BH-11/11/2006

## PM tingkat azam sempena ulang tahun ketiga terajui negara



**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyambut ulang tahun ketiganya sebagai Perdana Menteri semalam, yakin rakyat memberi sokongan padu kepada kepemimpinannya serta mahu beliau meneruskan agenda pembangunan negara.

Perdana Menteri menegaskan, isu kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap ke-

rajaan dan pentadbirannya tidak akan merenggangkan hubungan di kalangan rakyat Malaysia.

Katanya, seluruh rakyat Malaysia mahu beliau memberi tumpuan kepada usaha menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan mula menampakkan pulangan pertengahan tahun depan.

"Tidak... saya rasa rakyat sudah memutuskan apa yang mereka mahu. Apa yang mereka mahu ialah untuk saya memberi tumpuan terhadap apa yang saya dan rakan lain sedang laksanakan," katanya menjawab soalan pada sidang akhbar di sini, sejurus sebelum berlepas pulang ke Kuala

Lumpur, semalam.

Abdullah berkata, beliau berterima kasih kepada rakyat yang memberi sokongan kepadanya dan kerajaan kini giat melaksanakan RMK-9.

"Bukan kita tak buat kerja, banyak kerja yang perlu dilakukan dan saya percaya pada masa yang terdekat kita akan dapat lihat banyak perubahan kerana projek yang dilaksanakan memberi hasil kepada rakyat," katanya.

Beliau, yang sebelum ini diingat-kan oleh wakil media bahawa semalam sebenarnya ialah tarikh ulang tahun ketiganya menjadi Perdana Menteri, berkata masih banyak

lagi yang beliau perlu laksanakan.

"Tiga tahun tak cukup lagi. Nak buat kerja tidak cukup kerana banyak lagi yang nak buat. RMK-9 baru dilaksanakan dan beberapa lagi dalam RMK-8 juga masih perlu dibesarkan," katanya.

Dr Mahathir sebelum ini mengkritik Abdullah dan pentadbirannya kerana mengubah beberapa dasar dan projek yang diperkenalkan ketika pentadbiran beliau termasuk membatalkan cadangan pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor.

LIHAT MUKA 2

# Kerajaan janji jayakan projek dirancang

## DARI MUKA 1

Serangan terbaru Dr Mahathir terhadap Abdullah dibuat selepas pertemuan empat mata pada 22 Oktober lalu termasuk bekas Perdana Menteri itu mendakwa Malaysia kini menjadi negara polis.

Mengenai agenda mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu negara esok, Abdullah berkata, beliau akan mendengar taklimat daripada Setiausaha Agung parti, Tan Sri Radzi Sheikh Ahmad, setibanya di tanah air nanti.

Ditanya sama ada Dr Mahathir akan dipecat daripada Umno, Abdullah berkata: "Saya tidak pasti sama ada ia adalah antara tajuk perbincangan. Saya tidak mahu mengulas mengenainya".

Di **PUTRAJAYA**: Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan akan terus memberi perhatian kepada usaha mengotakan janji kepada rakyat dengan memastikan semua projek RMK-9 dijayakan tanpa terjejas oleh isu kritikan Dr Mahathir.

Timbalan Perdana Menteri berkata, semua projek dirancang perlu dijayakan kerana itu janji sudah dibuat malah kerajaan sekarang mendapat sokongan rakyat.

"Tumpuan kita dalam semua usaha dan fokus tidak boleh terjejas... kita berhutang dengan rakyat untuk memberi yang terbaik dan kita mesti pastikan ia dilakukan.

"Saya fikir itu adalah perkara yang paling penting," katanya kepada pemberita selepas mempergunakan mesyuarat bersama Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Najib menjawab soalan wartawan agensi media asing mengenai apakah langkah kerajaan seterusnya dalam menangani krisis kritikan Dr Mahathir terhadap kepemimpinan kerajaan.

"Kita tidak mahu hilang fokus kerana pada akhirnya dan hakikatnya, kerajaan perlukan sokongan rakyat. Cara terbaik mendapat sokongan rakyat ialah memastikan semua yang dijanji dilaksanakan," katanya.